

TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR
SEMPENA MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK YATIM
ANJURAN SRI KESIDANG
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)

TEMPAT:
KAFETERIA KAMPUS INDUSTRI
KUTKM, MELAKA

TARIKH :
05 OKTOBER 2006

**TEKS UCAPAN YBHG REKTOR SEMPENA MAJLIS
BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK YATIM PADA 05
OKTOBER 2006, ANJURAN SRI KESIDANG, JAM 6.00
PETANG BERTEMPAT DI KAFETERIA, KAMPUS
INDUSTRI, KUTKM**

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WBT WBKTH

YBHG DATIN NOR KHAYATEE BT MOHD ADNAN

PENAUNG PERSATUAN WANITA DAN ISTERI STAF
(SRI KESIDANG)

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,

TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &
PENGKOMERSILAN / INOVASI)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERSATUAN WANITA
DAN ISTERI STAF (SRI KESIDANG)

PEGAWAI – PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

YANG DIRAIKAN ANAK-ANAK YATIM FATIMAH AZ-
ZAHRA, ANAK-ANAK YATIM DARUL AITAM DAN
ANAK-ANAK YATIM PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK
YATIM JASIN

SERTA HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PERTAMANYA MARILAH KITA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA DIIZINKAN KITA UNTUK BERKUMPUL PADA PETANG INI UNTUK SAMA-SAMA MEMERIAHKAN MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK-ANAK YATIM DI SINI.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENGUCAPKAN PENGHARGAAN KEPADA SRI KESIDANG DAN JABATAN KEMASYARAKATAN DAN PENDIDIKAN ISLAM, PUSAT PERKHIDMATAN AKADEMIK (PPA) KERANA INISIATIF MENGADAKAN PROGRAMINI. PADA BULAN RAMADHAN YANG MULIAINI SETIAP UMAT ISLAM DIGALAKKAN UNTUK MEMBUAT KEBAJIKAN BAGI MENDAPAT KEREDAAN ALLAH SWT. INI TERMASUKLAH BERBUAT BAIK KEPADA ANAK YATIM, KERANA ANAK YATIM MERUPAKAN GOLONGAN YANG SANGAT DICINTAI ALLAH SWT.

ANAK YATIM YAKI KURNIYAHU ALLAH SWT
SUPRAHALA KITA SELAMA NI USIR YAHU ALLAH

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

RAMADHAN YANG DILALUIINI BANYAK MEMBAWA KEINSAFAN KEPADA DIRI KITA. IA MELATIH KITA UNTUK MENJADI INDIVIDU YANG LEBIH BERTIMBANGRASA. DI SAMPING ITU, IA JUGA DAPAT MELAHIRKAN HATI DAN FIKIRAN YANG BERSIH. RASA LAPAR DAN DAHAGA YANG DILALUI DALAM MENJALANI IBADAH PUASA MEMBANTU KITA MERASAI PENGALAMAN YANG DILALUI OLEH GOLONGAN YANG KURANG BERNASIB BAIK. MEREKA TERPAKSA MENANGGUNG PENDERITAAN MENAHAN LAPAR DAN DAHAGA.

KITA MENAHAN RASA LAPAR DAN DAHAGA PADA SETIAP KALI BERPUASA SAHAJA TERUTAMANYA DALAM MENJALANI PUASA PADA BULAN RAMADHAN. TETAPI RAMAI DI KALANGAN UMAT ISLAM DI SELURUH DUNIA SEPERTI DI AFGHANISTAN, PALESTIN DAN NEGARA-NEGARA

MISKIN LAIN MELALUI RASA LAPAR DAN DAHAGA SEPANJANG MASA. APA DI ANTARA MEREKA HANYA MAMPU BERBUKA PUASA DENGAN SEKEPING ROTI BERSAMA AIR SEJUK SAHAJA. MALAH LEBIH DARI ITU, MEREKA JUGA DIANCAM DENGAN KEGANASAN YANG SEDANG BERLAKU.

KEADAAN INI AMATLAH BERLAINAN SEKALI DENGAN IBADAH PUASA YANG DILALUI OLEH UMAT ISLAM DI NEGARA KITA. UMAT ISLAM DI MALAYSIA MENJALANI IBADAH PUASA DALAM KEADAAN YANG SELESA DENGAN HIDANGAN YANG BEGITU BANYAK SERTA MERIAH, TERDAPAT BANYAK BAZAR RAMADHAN YANG MENYEDIAKAN PELBAGAI JUADAH SERTA TAWARAN BERBUKA PUASA DI HOTEL ATAU RESTORAN.

OLEH ITU KITA PERLU LAH BERSYUKUR DENGAN NIKMAT YANG TELAH DIKURNIAKAN OLEH ALLAH SWT KEPADA KITA SELAMAINI. BERSAMALAH KITA

MENJADIKAN RAMADHANINI SEBAGAI BULAN MELATIH DIRI MENJADI SEORANG ISLAM YANG SENTIASA MEMBANTU SAUDARA SEAGAMA DENGAN PENUH KASIH SAYANG DAN BERTANGGUNGJAWAB.

APABILA KITA MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB KITA SEBAGAI SEORANG ISLAM TERHADAP SAUDARA SEISLAM KITA YANG LAIN, TERUTAMANYA KEPADA MEREKA YANG AMAT MEMERLUKAN BANTUAN, INSYA ALAH UMAT ISLAM AKAN HIDUP DALAM SUASANA YANG AMAN, HARMONI DAN DIHORMATI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI AWAM, KUTKM SENTIASA PEKA DAN MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MEMBANTU MASYARAKAT TERUTAMANYA YANG

BERADA DI SEKITAR NEGERI MELAKA. PROGRAM-PROGRAM KEAGAMAAN DAN KEBAJIKAN SENTIASA DIADAKAN BAGI TUJUAN MENDEKATKAN DIRI DENGAN MASYARAKAT SETEMPAT. IA MELIBATKAN SEMUA WARGA UNIVERSITI IAITU PELAJAR DAN STAF.

DALAM BULAN RAMADHANINI BEBERAPA PROGRAM KEMASYARAKATAN TELAH DIATUR OLEH PIHAK UNIVERSITI TERMASUKLAH PROGRAM YANG DILAKSANAKAN OLEH PERSATUAN SEPERTI SRI KESIDANG DAN BADAN KEBAJIKAN KUTKM (BAKUTKM). ANTARA PROGRAM YANG DIADAKAN IALAH PENGUMPULAN SUMBANGAN DERMA DAN BANTUAN OLEH SEMUA WARGA UNIVERSITI UNTUK DISUMBANGKAN KEPADA MEREKA YANG MEMERLUKANNYA.

DI SAMPING MAJLIS BERBUKA PUASA YANG DIADAKAN PADA HARI INI. PIHAK UNIVERSITI JUGA

AKAN MENGADAKAN MAJLIS BERBUKA PUASA SERTA PENYERAHAN SUMBANGAN HARI RAYA OLEH TUAN YANG TERUTAMA NEGERI MELAKA SELAKU CANSELOR KUTKM PADA 18 OKTOBER AKAN DATANG DI SINI. IA MELIBATKAN ANAK-ANAK YATIM DAN JUGA IBU TUNGGAL SEKITAR NEGERI MELAKA. OLEH ITU SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENJEMPUT ADIK-ADIK UNTUK SAMA-SAMA SEKALI LAGI PADA HARI TERSEBUT UNTUK BERBUKA PUASA BERSAMA-SAMA.

SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SRI KESIDANG KERANA PRIHATIN DAN MENGAMBIL INISIATIF MENGADAKAN PROGRAM LAWATAN KE RUMAH RAKYAT MISKIN DI SEKITAR NEGERI MELAKA YANG AKAN DIADAKAN ESOK. DI SAMPING MENYAMPAIKAN SUMBANGAN KEPADA MEREKA, APA YANG LEBIH PENTING IALAH KEDATANGAN

KITA ADALAH AMATLAH BERTEPATAN DENGAN TUNTUTAN UNTUK SALING ZIARAH MENZIARAHİ LEBIH-LEBIH LAGI DALAM BULAN RAMADHANINI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT MENERUSKAN IBADAH PUASA. SEDIKIT SUMBANGAN YANG DIBERIKAN HARI INI DIHARAP DAPAT MENCERIAKANSAMBUTAN HARI RAYA PADA SYAWAL YANG AKAN DATANG NANTI. SEMOGA KITA DAPAT MENERUSKAN IBADAH PUASAINI DENGAN PENUH AZAM UNTUK MENDAPAT KEREDHAAN ALLAH SWT. DAN SEMOGA BERKAT LATIHAN BERPUASA YANG DILALUI SEPANJANG RAMADHANINI AKAN MENJADIKAN KITA UMAT YANG LEBIH BAIK.

SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MEMBERI PERANGSANG KEPADA ADIK-ADIK UNTUK BELAJAR BERSUNGGUH-SUNGGUH DEMI MASA DEPAN YANG LEBIH CEMERLANG. INGATLAHKALAU KITA INGIN BERJAYA DI DUNIA, KITA DITUNTUT UNTUK MEMPUNYAI ILMU, DAN JIKA KITA INGIN BERJAYA DI AKHIRAT KITA JUGA DITUNTUT UNTUK MEMPUNYAI ILMU. SESUNGGUHNYA ALLAH SWT MENGASIHI ORANG-ORANG YANG BERILMU.

AKHIR KATA SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SRI KESIDANG DAN SEMUA HADIRIN DAN HADIRAT YANG MENJAYAKAN PROGRAM PADA HARI INI.

SEKIAN WABILAHITAUFIK WAL HIDAYAH WSM
WRBKTH